



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KEEMPAT 2023

Suku tahun keempat 2023 mencatatkan penambahan jawatan sebanyak 179.5 ribu, dengan jumlah keseluruhan jawatan 8.94 juta

PUTRAJAYA, 15 Februari 2024 – Suku tahun keempat 2023 mencatatkan penambahan jawatan sebanyak 179.5 ribu, dengan jumlah keseluruhan jawatan 8.94 juta, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan pada hari ini. Statistik ini diterbitkan dalam laporan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Keempat 2023** berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Sempena dengan sebaran pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Pada suku tahun keempat 2023, jawatan mencatatkan peningkatan sebanyak 2.1 peratus atau bersamaan dengan 179.5 ribu tahun ke tahun dengan merekodkan 8.94 juta jawatan berbanding tahun lepas (ST4 2022: 8.76 juta). Peningkatan jumlah jawatan ini menunjukkan permintaan buruh di Malaysia kekal menggalakkan dan stabil, seterusnya menyokong prospek ekonomi yang lebih baik pada tahun 2024."

Mengulas lanjut mengenai situasi jawatan dalam sektor ekonomi, Ketua Perangkawan berkata, "Jumlah jawatan diisi berdasarkan prestasi tahun ke tahun meningkat sebanyak 2.1 peratus dari 8.56 juta pada ST4 2022 kepada 8.74 juta pada ST4 2023. Sementara itu, jumlah kekosongan jawatan menurun sebanyak 1.1 peratus, merekodkan 190.2 ribu kekosongan pada suku tahun ini (ST4 2022: 192.4 ribu). Walau bagaimanapun, kadar jawatan diisi kekal tinggi pada 97.9 peratus manakala kadar kekosongan jawatan adalah 2.1 peratus. Bagi pewujudan jawatan pada suku tahun ini, ia meningkat sebanyak 0.6 peratus atau bersamaan dengan 31.1 ribu (ST4 2022: 30.9 ribu)."

Melihat kepada senario jawatan diisi pada suku tahun ini, Ketua Perangkawan berkata, "Semua sektor ekonomi kekal stabil dan menunjukkan pertumbuhan positif

dari tahun ke tahun, dengan sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada kadar 3.6 peratus, diikuti oleh Pembuatan (2.4%) dan Perkhidmatan (2.2%). Melihat kepada pecahan mengikut sektor ekonomi, sejumlah 4.60 juta jawatan yang merangkumi 52.6 peratus daripada jumlah jawatan diisi tertumpu pada sektor Perkhidmatan, diikuti oleh Pembuatan (27.0%; 2.36 juta) dan Pembinaan (14.2%; 1.24 juta). Mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 62.7 peratus dengan 5.48 juta jawatan, diikuti oleh mahir dan berkemahiran rendah iaitu masing-masing pada kadar 25.0 peratus (2.19 juta) dan 12.3 peratus (1.08 juta)."

Mengulas lanjut mengenai kekosongan jawatan mengikut aktiviti ekonomi, Ketua Perangkawan menyatakan, "Kekosongan jawatan pada suku tahun ini mengalami penurunan sebanyak 1.1 peratus dari tahun ke tahun dengan merekodkan 190.2 ribu, berbanding dengan ST4 2022 (192.4 ribu). Perincian mengikut kategori kemahiran, lebih daripada separuh kekosongan jawatan pada ST4 2023 adalah dalam kategori separuh mahir yang merangkumi 55.5 peratus (105.6 ribu), diikuti oleh mahir dengan 25.3 peratus (48.1 ribu) dan 19.2 peratus (36.5 ribu) dalam kategori berkemahiran rendah. Dari segi aktiviti ekonomi, sektor Pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai pemacu utama bagi kekosongan jawatan dengan 56.8 peratus (108.0 ribu), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik, dan optikal (33.1 ribu) dan Produk petroleum, kimia, getah, dan plastik (20.0 ribu). Sektor Pertanian menduduki tempat kedua dengan 16.3 peratus kekosongan jawatan (31.1 ribu) dan diikuti oleh Pembinaan dengan 13.5 peratus (25.5 ribu)."

Ketua Perangkawan seterusnya menambah, "Pewujudan jawatan dilihat lebih banyak pada suku tahun ini, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 31.1 ribu jawatan baharu berbanding dengan suku sama tahun sebelumnya (ST4 2022: 30.9 ribu). Di samping itu, perbandingan pewujudan jawatan secara tahunan, bilangan pewujudan jawatan pada tahun 2023 adalah yang tertinggi dalam siri masa iaitu 126.5 ribu berbanding yang direkodkan pada 2022 (116.7 ribu) dan 2021 (69.5 ribu). Hal ini disebabkan oleh sokongan daripada permintaan domestik untuk memenuhi keperluan industri. Daripada jumlah keseluruhan pewujudan jawatan, kategori separuh mahir mendahului dengan 19.3 ribu (62.3%), diikuti oleh mahir dengan 8.6 ribu (27.7%) dan berkemahiran rendah dengan 3.1 ribu (10.0%). Melihat kepada perincian permintaan buruh mengikut aktiviti ekonomi, sebahagian besar pewujudan jawatan baharu adalah dalam sektor Perkhidmatan dengan 15.1 ribu (48.7%), terutamanya dalam subsektor Perniagaan borong dan runcit. Sektor Pembuatan menduduki tempat kedua dengan 10.5 ribu pewujudan jawatan dengan sumbangan 34.0 peratus, terutamanya dalam subsektor Produk Elektrik, elektronik, dan optikal. Tempat ketiga adalah sektor Pembinaan (12.0%), diikuti oleh Pertanian (4.6%) dan Perlombongan dan Pengkuarian (0.7%)."

Merumuskan kenyataannya, suku tahun keempat 2023 menyaksikan pertumbuhan sederhana di tengah-tengah gelombang makroekonomi yang berlanjutan, konflik geopolitik dan sentimen berjaga-jaga dalam perniagaan menjelang tahun 2024. Walau bagaimanapun, pasaran buruh dijangka akan kekal stabil pada suku tahun yang akan datang rentetan daripada pelaburan dan pertumbuhan dalam kebanyakan industri. Selain itu, permintaan dalam sektor ekonomi dijangka akan terus meningkat selaras dengan pemulihan global, peningkatan perbelanjaan pengguna dan aktiviti perniagaan yang lebih menggalakkan.

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari www.padu.gov.my bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7721
- ii) Aduan online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST4 2023



Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kemahiran, ST4 2023



Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST4 2023
(% Sumbangan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
15 FEBRUARI 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT EMPLOYMENT STATISTICS, MALAYSIA FOURTH QUARTER OF 2023

The fourth quarter of 2023 registered an additional 179.5 thousand jobs, bringing a total of 8.94 million jobs

PUTRAJAYA, 15 February 2024 – The fourth quarter of 2023 registered an additional 179.5 thousand jobs, bringing a total of 8.94 million jobs, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today. These statistics are published in the report of **Employment Statistics, Fourth Quarter of 2023** based on the Employment Survey conducted on registered businesses in the private sector. The report presents the labour demand statistics, encompassing of the number of jobs, filled jobs, job vacancies and jobs created indicators by skills category and economic activity.

In conjunction with the release today, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "During the fourth quarter of 2023, jobs registered an increase of 2.1 per cent or equivalent to 179.5 thousand year-on-year to record 8.94 million jobs as against last year (Q4 2022: 8.76 million). The rise in the number of jobs indicated Malaysia's labour demand remains favourable and stable, thus being accommodative to the prevailing of economic outlook in 2024."

Elaborating further on the job situation in the economic sector, the Chief Statistician said, "The number of filled jobs based on year-on-year performance grew by 2.1 per cent from 8.56 million in Q4 2022 to 8.74 million in Q4 2023. Meanwhile, the number of job vacancies declined by 1.1 per cent to record 190.2 thousand vacancies in this quarter (Q4 2022: 192.4 thousand). Nonetheless, the filled jobs rate remained high at 97.9 per cent while the job vacancies rate was 2.1 per cent. As for the jobs created for this quarter, it has increased by 0.6 per cent or equivalent to 31.1 thousand (Q4 2022: 30.9 thousand)."

Analysing the filled jobs scenario during this quarter, the Chief Statistician added, "All economic sectors remained stable and demonstrated a positive year-on-year growth with Agriculture sector registered the highest growth at 3.6 per cent, followed by Manufacturing (2.4%) and Services (2.2%). In terms of composition by economic sector, a total of 4.60 million jobs, constituting 52.6 per cent of the total filled jobs were concentrated in the Services sector, followed by Manufacturing (27.0%; 2.36 million)

and Construction (14.2%; 1.24 million). In terms of skills category, the semi-skilled category made up the biggest share at 62.7 per cent with 5.48 million jobs, followed by the skilled and low-skilled category at 25.0 per cent (2.19 million) and 12.3 per cent (1.08 million) respectively.”

Commenting on job vacancies by economic activity, the Chief Statistician pointed out, “Job vacancies during this quarter experienced a downturn by 1.1 per cent year-on-year to record 190.2 thousand as compared to Q4 2022 (192.4 thousand). From the viewpoint of skills category, more than half of job vacancies in Q4 2023 were in the semi-skilled category comprising 55.5 per cent (105.6 thousand), followed by skilled at 25.3 per cent (48.1 thousand) and 19.2 per cent (36.5 thousand) in low-skilled category. In terms of economic activity, the Manufacturing sector retained its position as the primary driver in job vacancies with 56.8 per cent (108.0 thousand) primarily in the Electrical, electronic, and optical products sub-sector (33.1 thousand) and Petroleum, chemical, rubber, and plastic products (20.0 thousand). Agriculture sector ranked second with 16.3 per cent job vacancies (31.1 thousand) followed by Construction with 13.5 per cent (25.5 thousand).”

On another note, the Chief Statistician added, “More jobs creation was observed in this quarter, with a total of 31.1 thousand new jobs compared to the same quarter of previous year (Q4 2022: 30.9 thousand). In addition, comparing the annual jobs created, the number of jobs created in 2023 was the highest in the time series with 126.5 thousand than recorded in 2022 (116.7 thousand) and 2021 (69.5 thousand). This is underpinned by the robust support of domestic demand to meet the needs of the industry. Out of the total number of jobs created, the semi-skilled category led the chart with 19.3 thousand (62.3%), followed by skilled with 8.6 thousand (27.7%) and low-skilled with 3.1 thousand (10.0%). Looking at the breakdown of labour demand by economic activities, the vast majority of the new jobs created were in the Services sector with 15.1 thousand (48.7%), mainly in the Wholesale and retail trade sub-sector. The Manufacturing sector came second with 10.5 thousand jobs created with a share of 34.0 per cent, particularly in the Electrical, electronic and optical products sub-sector. The third place was the Construction sector (12.0%), followed by the Agriculture (4.6%) and the Mining and Quarrying (0.7%).”

Concluding his statement, the fourth quarter of 2023 saw moderate growth amid the lingering macroeconomic headwinds, geopolitical conflict and cautious business sentiment going into the year 2024. Nevertheless, the labour market is expected to remain stable in the upcoming quarter as a result of investments and growth in the majority of industries. Additionally, the demand in economic sector may continue to improve pursuant to the global recovery, increased consumer spending, and greater business activity.

Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.



The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Primary Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents aged 18 and above in Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind by the people-oriented initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit www.padu.gov.my for more information related to PADU or contact the following hotlines:

- i) Department of Statistics Malaysia: 1-800-88-7721
- ii) Complain online through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

Exhibit 1: Employment Statistics, Q4 2023




Exhibit 2: Labour Demand by Skill, Q4 2023





Exhibit 3: Labour Demand by Economic Activity, Q4 2023 (% Share)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
15 FEBRUARY 2024**